

METHYLDOPA REMEDICA 250 mg FILM-COATED TABLETS

Methyldopa anhydrous (250mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Methyldopa Remedica
2. Bagaimana Methyldopa Remedica berfungsi
3. Sebelum menggunakan Methyldopa Remedica
4. Cara menggunakan Methyldopa Remedica
5. Semasa menggunakan Methyldopa Remedica
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Methyldopa Remedica
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan Methyldopa Remedica

Methyldopa Remedica adalah digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi.

Bagaimana Methyldopa Remedica berfungsi

Methyldopa, bahan aktif Tablet Methyldopa Remedica, tergolong dalam kelas ubat yang dipanggil antihipertensi.

Methyldopa akan ditukarkan kepada bahan kimia semulajadi dalam badan yang bertindak untuk menurunkan tekanan darah.

Sebelum menggunakan Methyldopa Remedica

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan Methyldopa Remedica:

- Jika anda alah (hipersensitif) kepada methyldopa atau sebarang ramuan yang lain dalam ubat ini.
- Jika anda menghidap penyakit hati.
- Jika anda mengalami penyakit kemurungan.

- Jika anda mengambil ubat MAOI (*Monoamine Oxidase Inhibitor*) untuk merawat kemurungan
- Jika anda mengalami tekanan darah tinggi disebabkan ketumbuhan tumor berhampiran buah pinggang (*phaeochromocytoma*)
- *Porphyria* (sejenis penyakit darah warisi yang jarang berlaku)

Beritahu doktor anda jika anda pernah mengalami mana-mana dinyatakan. Jangan menggunakan Methyldopa Remedica.

- Sebelum menggunakan Methyldopa Remedica

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan Methyldopa Remedica:

- Jika anda mengalami anemia hemolitik (penyakit pecahan sel darah merah yang luar biasa)
- Jika anda mengalami leukopenia (penurunan sel darah putih)
- Jika anda mengalami penyakit hati
- Jika anda mengalami jaundis (kekuningan kulit dan mata)
- Jika anda mengalami demam
- Jika anda menjalani dialysis
- Jika anda menjalani ujian makmal
- Jika anda menjalani pembedahan

Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Jangan menggunakan Methyldopa Remedica jika anda sedang menggunakan sejenis ubat yang dinamakan "*Monoamine oxidase inhibitor*" (*MAO inhibitor*) yang digunakan untuk merawat kemurungan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang menggunakan ubat yang dinyatakan sebelum mengambil Methyldopa Remedica:

- Ubat tekanan darah tinggi yang lain
- Lithium (untuk merawat kemurungan)
- Ubat yang dinamakan "phenothiazines" seperti Chlorpromazine (untuk merawat penyakit mental)
- Ubat yang dinamakan 'tricyclic antidepressants' (untuk merawat kemurungan)
- Ubat simpatomimetik yang digunakan untuk merawat batuk dan selesema (contohnya Ephedrine atau Salbutamol)
- MAOIs (monoamine oxidase inhibitors) untuk merawat kemurungan (contohnya Phenelzine)
- Zat besi dan tambahan yang mengandungi zat besi

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan Methyldopa Remedica jika anda tidak pasti tentang ubat yang anda gunakan.

Cara menggunakan Methyldopa Remedica

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dos yang disyorkan :

- Orang dewasa: Pasa mulanya, 250mg dua atau tiga kali sehari, selama 2 hari, dos kemudian mungkin diubahkan seperti yang diarahkan.
- Dos penyelenggaraan: 500mg sehingga 2g sehari, dibahagikan kepada 2 hingga 4 dos, tidak melebihi 3 g sehari.
- Kanak-kanak: Dos permulaan ialah 10mg/kg setiap hari, dibahagikan kepada 2 hingga 4 dos. Doktor

anda mungkin ubah dos berdasarkan keadaan kanak-kanak. Kanak-kanak tidak harus mengambil dos melebihi 65mg/kg atau 3000mg sehari (bergantung yang mana dos lebih rendah).

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos beganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Penggunaan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan teramat mengantuk, lemah, kadar denyut jantung perlahan, tekanan darah rendah, rasa pening, pening lalat, kadangkala sakit apabila membuang air besar, berasa sebu, kembung parit, cirit birit, berasa atau jatuh sakit.

Semasa menggunakan Methyldopa Remedica

- Perkara yang perlu dilakukan

Guna ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Methyldopa Remedica.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

Beritahu doktor anda bahawa anda mengambil Methyldopa Remedica jika anda akan menjalani ujian makmal dimana sampel air kencing atau darah diambil.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan member Methyldopa Remedica kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera, Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Methyldopa Remedica boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

- Penenang
- Sakit kepala
- Kelemahan

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Methyldopa Remedica

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Jangan gunakan Methyldopa Remedica selepas tamat tarikh. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Simpan di bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya and kelembapan.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet kuning, bulat, bersalut filem, dengan logo Remedica pada satu bahagian dan 'MD250' di sisi lain.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Methyldopa:

Setiap tablet bersalut filem mengandungi methyldopa bersamaan dengan 250mg anhydrous methyldopa

- Bahan tidak aktif

Povidone, glycerol, cellulose microcrystalline, magnesium stearate, silica colloidal anhydrous, disodium edetate, citric acid, talc, hypromellose, macrogol 400, titanium dioxide, ferric oxide yellow E172.

- Nombor MAL

MAL

Pengilang

Remedica Ltd
Aharnon Str., Limassol Industrial Estate,
3056 Limassol, Cyprus

Pemegang Pendaftaran Produk

Eucogen Sdn. Bhd.,
No. 6A, Jalan Sungai Burung U 32/U,
Bukit Rimau, Seksyen 32, 40460
Shah Alam.

Tarikh kemas kini RiMUP

06/10/2021

Nombor Siri

NPRA (R2) 21/090